

# PM lawat Perak hujung minggu

IPOH, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan rasmi sehari ke Perak pada Ahad ini.

Menurut atur cara yang dikeluarkan, Datuk Seri Dr. Mahathir akan disambut di lapanganterbang di sini oleh Menteri Besar, Datuk Seri Haji Wan Mohamed bin Haji Wan Teh, ahli Exco, ketua jabatan dan ketua parti.

Selepas itu, Perdana Menteri akan berlepas ke Parit Buntar merasmikan kilang Elite Wood di situ, sebuah projek usahasama di antara Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) dan Kitchen Elite Ltd, sebuah syarikat Australia.

Projek kilang Elite Wood, sebuah projek mengeluarkan kerusi perabot untuk dieksport, bermula pada awal 1979 siap Julai 1980.

Projek bernilai \$3.2 juta ini memulakan pengeluaran Mei 1981 dengan tenaga pekerja 20 orang sahaja.

Selepas itu, Datuk Seri Dr. Mahathir akan kembali ke Ipoh pada petangnya untuk mengadakan perjumpaan dengan pekerja-pekerja Barisan Nasional di Dewan Bandaran di sini.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia